



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melfer Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Triniti 14 - 6 September 2026

Doa Hari Ini

Bapa Mahakuasa, yang hendak memulihkan segala sesuatu dalam Anak-Mu yang kekasih, Raja segala raja; perintahkan hati dan fikiran orang yang berkuasa, dan bawalah keluarga bangsa-bangsa, yang telah terpisah dan terpecah akibat rampasan dosa, untuk takluk kepada pemerintahan-Nya yang adil dan lemah lembut, Dia yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Yohanes 14:15-21

Bacaan Responsif - Galatia 5:13-18



Galatia 5:17

KEDUA-DUANYA BERLAWANAN

“Tuhan, biarlah kehendak Roh Kudus menang dalam diriku.”

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **IBADAH DOA HARI INI** - mari berdoa bersama

- CHI, 9:45 pagi - Pavilion
- ENG, 11:45 pagi - Dewan Alpha
- BM, 7:30 malam - Gereja

2. **TERIMA KASIH**

Kita mengucapkan syukur kepada Tuhan yang baik kerana menjawab doa kita untuk Khemah Kanak-kanak. Seramai 260 orang kanak-kanak telah belajar banyak perkara dan menikmati kem ini. Kita juga belajar banyak perkara melalui kem ini. Terima kasih kepada Ps. Margaret, jawatankuasa dan semua sukarelawan atas pelayanan mereka. Syabas! Lihat gambar-gambar dalam buletin.

3. **RAYUAN UNTUK NEPAL**

Gereja Anglikan di Nepal sedang membantu mereka yang terjejas akibat banjir baru-baru ini. Jika ingin menyumbang, sila nyatakan "Nepal" pada sumbangan anda. Pejabat Diosis akan menyalurkan sumbangan tersebut kepada Diosis Singapura, yang menyelaraskan pelayanan Anglikan di Nepal.

4. **DOA UNTUK MALAYSIA**

Sempena Hari Malaysia pada 16 September (Rabu) depan, umat Kristian di seluruh Malaysia akan bersatu dalam doa bagi negara.

Majlis Gereja-Gereja Malaysia dan Majlis Gereja-Gereja Sabah bersama-sama menganjurkan Hari Doa Untuk Malaysia (MDOP) di Katedral All Saints, 9:30 pagi–11:30 pagi, yang akan disiarkan secara langsung ke seluruh negara dan dunia. Pelbagai gereja di Malaysia akan turut bersama dalam ibadah dan berdoa bagi negara.

Marilah kita meluangkan masa untuk hadir dan berdoa bersama.

5. **DANA VAN**

Van baharu ini dibeli dengan menggunakan simpanan gereja yang dikumpulkan selama ini. Nombor pendaftaran QDF 1969 mengingatkan kita kepada tahun penubuhan Christ Church Likas. Usaha mengumpul dana masih diteruskan: diperlukan RM185,000, dan setakat ini RM59,725 telah dikumpulkan. Marilah kita bersama-sama mengembalikan semula dana simpanan gereja kita.



6. ACARA KELUARGA DIOSIS

- Retret Pendoa Syafaat ADOS-W BM, KPS, 4–6 Okt. Pendaftaran masih dibuka.
- Retret Warga Emas, Katedral All Saints, 5–7 Okt. Lebih 20 orang daripada kita telah mendaftar. Pendaftaran masih dibuka.

7. PELAYANAN LAINNYA

- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo, SICC.** Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- 27 September – **Festival Kueh Bulan**, bersama sekumpulan artis dari Hong Kong. Maklumat lanjut akan menyusul.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Nar Chin Keow.



“USE ME”



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI ILAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Sep 7	Yoh 4	Mz 86	Jum, Sep 11	Yoh 8	Mz 90
	Sel, Sep 8	Yoh 5	Mz 87	Sab, Sep 12	Yoh 9-10	Mz 91
	Rab, Sep 9	Yoh 6	Mz 88	Ahd, Sep 13	Yoh 11	Mz 92
	Kha, Sep 10	Yoh 7	Mz 89			

"Hidup dalam Roh Kudus" - renungan & perbincangan:

- Permainan tarik tali sering menjadi acara penutup pada hari sukan keluarga. Bagaimanakah cara untuk menang? Kongsikan tip anda.
- Apakah yang Yesus janjikan kepada semua yang menjadi murid-Nya? Baca Yoh 14:16–17. Salah satu peranan Roh Kudus ialah 'menguduskan' kita — menjadikan kita semakin serupa dengan Yesus.
- Baca Galatia 5:16–17. Paulus menggambarkan pergumulan antara "daging" dan "Roh". Apakah yang dimaksudkan dengan "Roh"? Apakah yang dimaksudkan dengan "daging"? Adakah seorang Kristian memiliki Roh, daging, atau kedua-duanya? Jelaskan jawapan anda.
- Ayat 17 menyebut tentang "keinginan daging" dan "keinginan Roh". Baca ayat 19–21 dan kemudian ayat 22–23. Keinginan manakah yang paling merosakkan dalam hidup anda atau kehidupan gereja? Keinginan manakah yang paling membawa kebaikan? Jelaskan jawapan anda.
- Kedua-dua keinginan ini "bertentangan" (ayat 17). Pernahkah anda mengalami pergumulan seperti ini? Kongsikan pengalaman anda. Bagaimanakah kehidupan Kristian anda setakat ini—menyeronokkan atau penuh pergumulan? Bilakah pergumulan ini akan berakhir?
- Bagaimanakah kita dapat "hidup menurut Roh Kudus", "dipimpin oleh Roh" dan "seiring dengan Roh" (ayat 16, 18, 25)? Kongsikan beberapa langkah praktikal.

UNTUK DIDOAKAN

Wilayah kita yang Kita Kasihi

- Berdoa agar Tuhan berikan angin dan hujan untuk mengurangkan kesan jerebu, serta melindungi masyarakat di Indonesia, Singapura, Filipina dan Malaysia daripada kesan buruk pencemaran alam sekitar.

Diosis yang Kita Kasihi

- Berdoa agar seluruh Diosis terus maju 'melangkaui ufuk' dalam kasih dan pelayanan kita, supaya semakin ramai orang mengenal Yesus.

Diri sendiri

- Berdoa agar Roh Tuhan terus bekerja dalam hidup kita, dan kita semakin peka serta taat kepada pimpinan-Nya.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

SINOD DIOSIS KE-34 - PERUTUSAN BISHOP (BAHAGIAN 2)

"Lapangkanlah tempat kemahmu, dan bentangkanlah tenda tempat kediamanmu, janganlah menghematnya; panjangkanlah tali-tali kemahmu dan pancangkanlah kokoh-kokoh patok-patokmu..." (Yesaya 54:2-3)

Bishop Diosis kita, **Datuk Melfer Jiki Tais**, menjelaskan tema **Melangkaui Ufuk** melalui enam (6) keutamaan utama:

1. MELANGKAUI UFUK KASIH

Gereja tidak dapat benar-benar mewakili Kristus tanpa kasih, kerana segala sesuatu yang lain kehilangan maknanya tanpa kasih (*rujuk 1 Korintus 13:1-3*). Oleh itu, kita harus membina dan memperkukuhkan hubungan antara gereja-gereja dan para anggota di seluruh Diosis.

2. MELANGKAUI UFUK PENYEMBAHAN

Yesaya 6 memberikan kepada kita satu pola: Yesaya bertemu dengan Tuhan: PERTEMUAN → TRANSFORMASI → PANGGILAN → MISI. Apabila Diosis masuk lebih dalam ke dalam hadirat Tuhan, Diosis akan melangkah semakin jauh dalam misi Tuhan.

3. MELANGKAUI UFUK MISI & PENGINJILAN

Gereja tidak dipanggil hanya untuk berhimpun/bersekutu. Kita dipanggil untuk "PERGILAH dan jadikanlah semua bangsa murid-Ku." (*Rujuk Matius 28:18-20*). Oleh itu, kita mesti terus memperkukuhkan MISI 113 (2.0) sebagai ungkapan komitmen kita terhadap penggandaan.

4. MELANGKAUI UFUK PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

Pola penggandaan kepimpinan yang ditunjukkan dalam 2 Timotius 2:2 adalah seperti berikut: Paulus → Timotius → Orang yang boleh dipercayai → Orang lain. Pembangunan kepimpinan tidak boleh sekadar menjadi program latihan yang diadakan sekali-sekala, tetapi harus menjadi satu budaya latihan yang disengajakan dan berterusan.

5. MELANGKAUI UFUK PELAYANAN SOSIAL

Yesus memanggil kita untuk melihat Dia dalam diri mereka yang lemah, dilupakan dan berada dalam keperluan (*rujuk Matius 25:40*). Kita harus membawa belas kasihan Kristus ke dalam komuniti kita – komuniti miskin, lemah, terpinggir dan sebagainya. Kita bukan hanya memberitahu orang bahawa Kristus mengasihi mereka; kita juga membantu mereka mengalami kasih Kristus yang nyata dan dapat dirasakan.

6. MELANGKAUI UFUK MEMBERI

Hal ini memanggil seluruh Diosis untuk bersungguh-sungguh dalam hal memberi (*rujuk 2 Korintus 8:7*). Setiap pelayanan memerlukan dana. Setiap visi memerlukan sumber. Kita tidak dapat memenuhi misi yang telah Tuhan percayakan kepada kita tanpa mengurus dengan setia dan melepaskan dengan murah hati segala sumber yang telah Dia tempatkan dalam tangan kita.

Pemberian kita memungkinkan kita untuk:

PERGI (GO) – dalam misi dan penginjilan.

MENANAM (PLANT) – gereja-gereja dan jemaah-jemaah baharu.

MEMBANGKITKAN (RAISE) – para pemimpin untuk masa kini dan masa hadapan.

MELAYANI (SERVE) – Setiap orang serta komuniti yang memerlukan.

MEMBINA (BUILD) – Keupayaan Diosis dan ketiga-tiga ADOS untuk pelayanan.

[Nota: Sila nantikan Perutusan Bishop Sinod Diosis ke-34 (Bahagian 3)]